# KEMUDAHAN SEKOLAH
# SMK BANDAR PUTRA

Senarai kemudahan infrastruktur, kemudahan fizikal, peralatan, sumber di sekolah yang memberi impak positif terhadap kecemerlangan di SMK Bandar Putra

| Bil | Kemudahan Sekolah | Catatan |
|---|---|---|
| 1. | DEWAN PERDANA PUTRA    | Penggunaan dewan secara optimum untuk kecemerlangan akademik pelajar. Antara program kecemerlangan yang diadakan ialah kem marathon akademik, sarapan ilmu dan lain-lain . Kapasiti muatan lebih kurang 400 orang. Dilengkapi dengan kipas, lampu dan PA sistem yang baik. |
| 2. | ASRAMA PUSAT SMK BANDAR PUTRA    | Asrama Pusat SMK Bandar Putra boleh menempatkan seramai 300 orang murid. Selain menempatkan murid-murid yang tinggal jauh dari sekolah , ia juga dijadikan tempat penginapan bagi peserta kursus atau program-program peringkat sekolah, daerah dan negeri. Kemudahan yang terdapat diasrama ini seperti dewan makan, 30 dorm , bilik rehat, bilik rawatan, pusat sumber, ruang mencuci, bilik gerakan dan pejabat asrama.Kemudahan ini memberi ruang kepada murid-murid untuk meningkatkan prestasi kecemerlangan sekolah. |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | MAKMAL KOMPUTER   | Dilengkapi dengan komputer dan internet. Membolehkan murid mengakses kendiri internet. Proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan dengan kemudahan yang lengkap. |
| 4. | MAKMAL SAINS   | Terdapat 6 makmal sains. 2 untuk makmal biologi, 2 makma kimia dan 2 makmal fizik. Makmal tersebut dilengkapi dengan bilik-bilik persediaan. Peralatan makmal lengkap dan murid boleh membuat ujikaji secara optimum. |
| 5. | BENGKEL KEMAHIRAN HIDUP   | Bengkel yang lengkap dengan peralatan KHB. Terdapat 7 bengkel KHB di mana setiap bengkel boleh menempatkan 25 orang murid setiap waktu p&p. Murid dapat menjalankan setiap amali di bengkel yang ditetapkan. Contohnya amali Rekabentuk diadakan di bengkel kerja kayu dan logam, amali jahitan di bengkel jahitan dan lain-lain lagi. |

| | | |
|---|---|---|
| 6. | BILIK SEJARAH   | Kapasiti muatan murid lebih kurang 40 orang amat praktikal bagi menjalankan P&P dan program kecemerlangan akademik. Suasana bilik sejarah yang kondusif amat berkesan untuk penguasaan ilmu. |
| 7. | BILIK GEOGRAFI   | Muatan murid lebih kurang 40 orang. Program kecemerlangan seperti kelas bermodul diadakan di bilik ini. Perubahan fizikal bilik boleh mempengaruhi minda murid. Tidak hanya tertumpu di dalam bilik darjah sahaja. |
| 8. | BILIK AGAMA    | Bilik ini boleh memuatkan lebih kurang 120 orang pada satu-satu masa. Antara aktiviti kecemerlangan akademik menggunakan bilik ini ialah p&p harian, perbincangan kumpulan, kelas bermodul, dan program jadual anjal. Para guru juga menggunakan bilik ini untuk bermesyuarat, seminar, kursus dan sebagainya. |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | SURAU AL HIDAYAH    | Kemudahan surau yang lengkap amat berguna bagi guru dan murid-murid. Kelas amali agama juga boleh diadakan di surau. Penerapan rohani amat berguna dalam membentuk seseorang individu. Kapasiti muatan lebih kurang 100 orang. |
| 10. | BILIK PPSMI   | Dilengkapi dengan skrin untuk memudahkan penggunaan LCD dalam P&P guru. Bahan bantu mengajar seperti CD dan carta disimpan di bilik ini. Guru-guru boleh menggunakannya untuk aktiviti p&p, mesyuarat, bengkel dan sebagainya.. |
| 11. | PUSAT SUMBER SEKOLAH (PSS)    | PSS ini dilengkapi dengan bahan-bahan yang sesuai untuk rujukan para pelajar. Dibawah pengurusan PSS terdapat bilik APD, sudut celik komputer yang mempunyai capaian internet dan juga Bilik Pengurusan Pemprosesan Buku dan perpustakaan. |
| 12. | BILIK PENDIDIKAN SENI    | Bilik ini dilengkapi dengan bahan-bahan dan perlatan Pendidikan Seni Visual yang sesuai untuk pelaksanaan p&p dan amali. |

| | | |
|---|---|---|
| 13. | MAKMAL BAHASA<br> | Bilik yang digunakan untuk sesi p&p berkumpulan dan perbengkelan yang menjurus kepada bidang bahasa. |
| 14. | BILIK BIMBINGAN DAN KAUNSELING<br> | Bilik bimbingan dan kaunseling berada di aras 2 bangunan pentadbiran. Kemudahan ini sentiasa dimaksimumkan penggunaannya bersama murid-murid untuk sesi-sesi bimbingan.Bilik yang kondusif ini telah dianugerahkan Pengurusan Bilik Bimbingan Kaunseling Cemerlang 2008 dari PPD. |
| 15. | BILIK MESYUARAT<br> | Bilik mesyuarat ini merupakan bilik operasi yang paling penting dalam pengurusan sekolah. Bilik ini digunakan sebagai ruang diskusi antra pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru dalam merangka program-program kecemerlangan sekolah. Selain itu, bilik ini juga menjadi ruang diskusi antara antara pengetua dan kelompok murid kelas peperiksaan dan kelas tahanan.<br>Bilik mesyuarat ini sering digunakan oleh pihak PPD dan JPN untuk mesyuarat dan kursus. |

| | | |
|---|---|---|
| 16. | BILIK MUZIK  | Selain digunakan untuk aktiviti kebudayaan dan keseniaan , bilik ini berfungsi sebagai tempat untuk taklimat dan ceramah bersama murid .Mulai tahun 2009 bilik ini dibekalkan dengan peralatan muzik bernilai RM 150,000.Antara peralatan yang diperolehi adalah set gamelan, akustik, keyboard, kompang dan lain-lain. |
| 17. | BILIK DARJAH  | SMK Bandar Putra mempunyai 36 buah bilik darjah yang boleh menampung purata 36 orang murid bagi setiap kelas. Bilik darjah yang kondusif dan bermaklumat pasti boleh merangsang pembelajaran berkesan. |
| 18. | BILIK OPERASI PEPERIKSAAN  | Bilik ini digunakan untuk operasi penilaian dan peperiksaan . Bilik ini berfungsi sebagai ruang untuk penyimpanan rekod dan pengoperasian pengurusan peperiksaan sekolah. |

| | | |
|---|---|---|
| 19. | BILIK OPERASI SPBT   | Bilik ini digunakan untuk operasi Skim Pinjaman Buku Teks (BOSS). Bilik ini berfungsi sebagai ruang untuk penyimpanan rekod dan pengoperasian pengurusan buku teks sekolah. BOSS SMKBP telah menjadi Johan Pengurusan Bilik SPBT terbaik daerah kulai selama 4 tahun berturut-turut. |
| 20. | BILIK OPERASI SUKAN  | Bilik ini memuatkan semua peralatan keperluan sukan dan permainan. Peralatan sukan yang lengkap dan tersusun memudahkan pengurusan penggunaan guru dan murid-murid dalam meningkatkan kecemerlangan bidang kokurikulum. |
| 21. | BILIK RAWATAN  | Bilik ini merupakan kemudahan bagi murid mendapatkan rawatan pergigian dan kesihatan. Bilik ini juga digunakan untuk penempatan sementara bagi murid sakit sebelum mendapatkan rawatan lanjut. Fungsi ini penting kerana pelajar yang sihat menjana kecemerlangan pembelajaran. |

| | | |
|---|---|---|
| 22. | KANTIN   | Kantin sekolah ini menyediakan ruang yang selesa untuk pelajar berehat dan menikmati makanan. Kantin yang luas dan bersih memberi peluang untuk murid-murid menjalankan aktiviti seperti perbincangan, taklimat dan mengulangkaji pelajaran. |
| 23. | WAKAF-WAKAF   | Terdapat tiga buah wakaf di sekolah ini sebagai kemudahan santai murid untuk perbincangan kumpulan kecil dan aktiviti bacaan diluar masa P&P |
| 24. | AMPITEATER   | Ruang terbuka ini yang boleh dimanfaatkan untuk pelbagai aktiviti seperti P&P terbuka, dan gerak kerja kokurikulum seperti tekwando, silat dan aktiviti kebudayaan. Adakalanya ia juga digunkan sebagai tempat jamuan VIP terbuka , pameran dan jualan buku. |

| | | |
|---|---|---|
| 25. | TAMAN-TAMAN  | Panorama sekolah yang indah dan sejuk mata memandang amat penting dalam meransang pemikiran dan kreativiti murid. Taman-taman ini diwujudkan untuk menimbulkan elemen terapeutik dan melapangkan fikiran |
| 26. | ENGLISH ZONE  | English Zone antara bahagian terbuka yang mewajibkan penggunaan Bahasa Inggeris sepanjang masa oleh warga SMKBP. Ini adalah usaha untuk memantapkan kecemerlangan matapelajaran Bahasa Inggeris. Ruang ini dilengkapi dengan kemudahan audio visual dan bahan rujukan untuk tujuan P&P |
| 27. | PADANG/GELANGGANG  | Padang dan gelanggang merupakan nadi perkembangan dan pembangunan sahsiah murid dari aspek sukan dan kokurikulm. Kemudahan ini adalah penting dalam mencapai pembentukan kemenjadian murid berteraskan FPK |

| | | |
|---|---|---|
| 28. | BILIK GURU  | Bilik guru menjadi pusat perkembangan dan pembangunan profesional tenaga pengajar sekoah ini. Ruang yang selesa boleh menempatkan sehingga 70 orang guru. Kemudahan yang disediakan seperti 2 unit komputer , peti sejuk dan televisyen, setti dan ruang bacaan guru. |
| 29. | KOPERASI SMK BANDAR PUTRA KULAIJAYA BERHAD  | Koperasi merupakan satu-satunya tempat murid mendapatkan keperluan dan alatan sekolah. Selain daripada itu, murid juga boleh mendapatkan perkhidmatan fotostat dan binding pada waktu rehat. |

Dikemaskini pada 1.1.2009

Webmaster Portal Web SMK Bandar Putra